

KERTAS BIL. 35/2020



**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG KERAJAAN
(PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE – PAC)
BERKAITAN
YAYASAN SELANGOR (YS)**

KANDUNGAN

BIL	PERKARA	HALAMAN
1	Pendahuluan	1
2	Latar Belakang	1
3	Hasil Dapatan Jawatankuasa PAC Daripada Pendengaran Tertutup	2
4	Penemuan Jawatankuasa	5
5	Syor Jawatankuasa	6
6	Perakuan	7
	Ahli-Ahli Jawatankuasa	8
	Urus setia	8
	Lampiran I (Ringkasan Minit ALPYS Kali Ke-111 Bil. 02 / 2019	9

PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG KERAJAAN (PUBLIC ACCOUNT COMMITTEE - PAC) BERKAITAN YAYASAN SELANGOR (YS)

1. PENDAHULUAN

Selaras dengan Peraturan 68(1) – (5) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor 1965 berkenaan Jawatankuasa Kira-kira Wang Kerajaan (PAC) dan menurut Peraturan Tetap 76(1) – (6) Peraturan-peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor berkenaan Penyata daripada Jawatankuasa Pilihan, maka Penyata berkaitan Yayasan Selangor ini disediakan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Ketiga Penggal Ketiga Dewan Negeri Selangor Yang Keempat Belas Tahun 2020.

Ahli-Ahli Jawatankuasa PAC bagi tahun 2020 terdiri daripada:

- | | |
|---|-----------|
| 1) Y.B. Tuan Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2) Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3) Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4) Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5) Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6) Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |
| 7) Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Y.B. Tuan Pengerusi telah memaklumkan Jawatankuasa PAC bahawa beliau telah menerima aduan mengenai tadbir urus Yayasan Selangor semasa mesyuarat jawatankuasa Bil. 5/2020 pada 29 Julai 2020.
- 2.2 Selaras dengan perkara tersebut, Jawatankuasa PAC telah memutuskan satu sesi pendengaran tertutup diadakan bersama pihak pengurusan Yayasan Selangor bersama pihak Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Audit Negara Negeri Selangor untuk menyiasat dan meneliti isu tadbir urus pada mesyuarat jawatankuasa Bil. 7/2020 bertarikh 26 Ogos 2020 yang dihadiri oleh ahli-ahli jawatankuasa seperti berikut:

- | | | |
|-----|--|-----------|
| 1. | Y.B. Tuan Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2. | Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3. | Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4. | Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 5. | Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |
| 6. | Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| 2.3 | Hasil dapatan dan laporan ini dirumuskan daripada sesi pendengaran tertutup dan dialog bersemuka Jawatankuasa PAC bersama Jabatan Audit Negara Negeri Selangor dan SPRM. | |

3. HASIL DAPATAN JAWATANKUASA PAC DARIPADA PENDENGARAN TERTUTUP

Wakil Jabatan Audit Negara Negeri Selangor

- | | | |
|-----|-------------------------------------|-------------------------|
| i) | Encik Haji Abdul Ghani bin Sulaiman | Pengarah |
| ii) | Puan Nur El Haidar binti Harun | Penolong Pengarah Audit |

Wakil Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Selangor

- | | | |
|-----|----------------------------|-------------|
| i) | Dato' Haji Alias bin Salim | Pengarah |
| ii) | Encik Azam bin Adzhar | Pegawai SPM |

Wakil Yayasan Selangor

- | | | |
|------|---|---|
| i) | Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali | Ketua Pegawai Eksekutif |
| ii) | Puan Qhairawani Asyrani binti Ruslan | Penasihat Undang-Undang / Setiausaha Syarikat |
| iii) | Encik Zaini bin Sulaiman | Pengurus Komunikasi |

- 3.1 Jawatankuasa mengambil maklum status pendaftaran Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (ALPAYS) di peringkat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) tidak dikemaskini sejak tahun 2016. Oleh demikian, apa-apa keputusan Yayasan Selangor tidak dapat diluluskan dan disahkan pada mesyuarat ALPAYS. Semua keputusan Yayasan Selangor hendaklah dihentikan buat masa kini termasuk penjualan aset Yayasan Selangor sehingga rekod pendaftaran ALPAYS di SSM dikemaskini.
- 3.2 Buat masa kini, Setiausaha Yayasan Selangor yang baru dilantik pada 1 Julai 2020 sedang berusaha untuk membetulkan keadaan supaya Yayasan Selangor boleh mengadakan Mesyuarat ALPAYS bagi melengkapkan prosedur penjualan aset Yayasan Selangor/pindahmilik aset yang telah dijual.
- 3.3 Jawatankuasan juga mengambil maklum penyata kewangan bagi tahun 2016, 2017, dan 2018 telah disediakan draf akhir untuk dibentangkan di dalam mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah (ALPA) pada bulan September 2020. Bagi penyata kewangan tahun 2019, dimaklumkan ianya dalam proses pengauditan dan dijangka siap untuk dibentangkan bersama Penyata Kewangan yang lain pada mesyuarat yang sama.
- 3.4 Penyata kewangan tidak diaudit selama empat (4) tahun sejak tahun 2016 disebabkan perkara-perkara berikut:
 - a) pertukaran standard perakaunan daripada PERS (*Private Entity Reporting Standard*) ke MFRS (*Malaysian Financial Reporting Standard*) di mana Yayasan Selangor tidak mempunyai kakitangan berpengalaman dan pengetahuan mengenai MFRS.
 - b) Penilaian harta tanah bagi 52 aset melibatkan 6 cawangan JPPH.
 - c) Kos pelaksanaan yang tinggi.
 - d) Siasatan LHDNM ke atas cukai taksiran Yayan Selangor bagi tahun 2014 hingga 2017.
- 3.5 Jawatankuasa mengambil maklum berkenaan hasil pengauditan tadbir urus Yayasan Selangor yang melibatkan Pengerusi Lembaga Pengarah dan juga Pengerusi Jawatankuasa lain di peringkat Lembaga Pengarah Syarikat.
- 3.6 Pihak pengurusan Yayasan Selangor akan menyediakan Kertas Kerja mengenai pelantikan Pengerusi Jawatankuasa untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat ALPAYS sebelum akhir tahun 2020.
- 3.7 Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor adalah seperti berikut:
 - i. Y.A.B. Dato' Seri Amirudin bin Shari (Pengerusi)
(Dato' Menteri Besar Selangor Darul Ehsan)

- ii. Y.B. Dato' Mohd Amin bin Ahmad Ahya (Timbalan Pengurus) (Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor)
 - iii. Y.B. Dato' Nor Azmie bin Diron (Pegawai Kewangan Negeri Selangor)
 - iv. Tuan Haji Izmi bin Ismail (Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Selangor)
 - v. Puan Maznah binti Abu Bakar (Pengarah Pendidikan Wilayah Persekutuan)
 - vi. Encik Eddie Adrianto bin Ahmad Khodzali (Ketua Pengarah Eksekutif Yayasan Selangor)
- 3.8 Jawatankuasa mengambil maklum Yayasan Selangor mempunyai jumlah aset bernilai RM701 juta dan penjualan aset Yayasan Selangor adalah bagi aset-aset tidak strategik yang tidak menghasilkan keuntungan kepada Yayasan Selangor.
- 3.9 Yayasan Selangor menanggung bebanan masalah kewangan memandangkan baki aliran tunai Yayasan Selangor buat masa ini adalah RM4.4 juta, manakala kos pengurusan Yayasan Selangor mencecah RM1.5 juta sebulan termasuk kos pengurusan harta dan pengurusan perkhidmatan fasiliti.
- 3.10 Jawatankuasa juga dimaklumkan bahawa YS telah mengikat perjanjian pembangunan harta tanah di Kampung Pandan sebanyak RM300 juta yang akan memberi pulangan secara berperingkat bagi tempoh 10 tahun sehingga 2029.
- 3.11 Jawatankuasa dimaklumkan konsep penjualan aset secara '*first come first serve*' telah pun ditetapkan harga minima tertentu (*reserved price*) dengan mengambil kira harga pasaran. Pihak Yayasan Selangor memaklumkan sistem tersebut bertujuan untuk memudahkan proses penjualan aset terutama di peringkat mendapatkan kelulusan oleh pihak bank. Harga minimum unit kediaman dan rumah kedai berdasarkan rujukan Axis Reit dan Jurunilai Professional yang akan dilantik.
- 3.12 Jawatankuasa mengambil maklum buat masa ini, Yayasan Selangor tidak mampu memberi bantuan kerana Tabung Pendidikan tidak mempunyai dana yang mencukupi oleh sebab kegagalan Yayasan Selangor dalam pengurusan kewangan. Yayasan Selangor telah pun berdaftar dengan CTOS untuk mendapatkan maklumat lanjut peminjam bagi urusan kutipan bayaran balik pinjaman.

- 3.13 Semua pendapatan Yayasan Selangor diagihkan mengikut ratio 70:30 kepada tabung pengurusan dan tabung pendidikan. Tetapi ia hanya bagi terimaan hasil bernilai lebih daripada RM100 ribu.
- 3.14 Jawatankuasa juga mengambil maklum Yayasan Selangor mempunyai hutang operasi berjumlah RM2.9 juta dengan bayaran balik hutang berjumlah RM500 ribu sebulan.

4. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 4.1 Jawatankuasa berpandangan kegagalan YS mengadakan mesyuarat ALPAYS secara optimum membawa kepada masalah urus tadbir dan pengurusan kewangan YS kini. Mengikut rekod jumlah mesyuarat ALPAYS dari tahun 2016 hingga 2019 adalah seperti berikut:
 - a. 2016 - 1 kali
 - b. 2017 - tiada mesyuarat
 - c. 2018 - 2 kali
 - d. 2019 - 1 kali
- 4.2 Jawatankuasa status pendaftaran ALPAYS di peringkat SSM adalah dibawah tanggungjawab utama setiausaha syarikat untuk mengemaskini data pendaftaran di peringkat SSM dari masa ke semasa terutamanya apabila terdapat perubahan senarai ahli.
- 4.3 Yayasan Selangor tidak boleh membuat sebarang keputusan baru mengenai pengurusan atau operasi Yayasan Selangor sehingga ALPA yang baru telah didaftarkan secara rasmi di dalam SSM.
- 4.4 Jawatankuasa mendapati konsep penjualan aset secara '*first come first serve*' dan ketiadaan tarikh tutup tawaran adalah tidak mengikut prosedur pelupusan aset yang betul. Ini adalah berdasarkan kepada pandangan-pandangan berikut
 - 4.4.1 Penjelasan daripada Jabatan Audit Negara Negeri Selangor tentang prosedur jualan aset kerajaan di mana tawaran akan diberi kepada penawar paling tinggi dan penawaran hanya akan dibuka pada tempoh yang tertentu.
 - 4.4.2 Pandangan daripada SPRM terhadap penjualan aset Yayasan Selangor yang banyak (77 unit), di manai kepentingan pengesahan sebarang keputusan mengenai kaedah penjualan aset seharusnya dibincangkan dan diluluskan di mesyuarat ALPA bagi mengelakkan urus niaga haram.

- 4.5 Jawatankuasa PAC berpandangan bahawa pembahagian hasil Yayasan Selangor mengikut nisbah 70:30 yang hanya disyaratkan pada hasil yang melebihi RM100 ribu sahaja adalah tidak wajar dan harus dikaji semula memandangkan pendidikan adalah teras perkhidmatan utama YS.
- 4.6 Jawatankuasa mendapati bahawa YS telah mempunyai perancangan pembangunan semula jangka panjang dengan syarikat-syarikat JV di mana YS berpotensi mendapat jumlah pulangan sekurang-kurangnya RM300 juta seawal 2029.
- 4.7 Berdasarkan Lampiran 1, Jawatankuasa mendapati bahawa ringkasan minit mesyuarat yang dibekalkan oleh YS bertarikh 19 Disember 2019 mengenai penjualan aset YS tiada bukti pengesahan oleh ALPAYS namun berdasarkan memo yang dikeluarkan oleh Bahagian Pengurusan Harta pada 14 Mei 2020, menyatakan urusan penjualan aset YS telah mendapat kelulusan ALPAYS pada 19 Disember 2019 dan syarat penjualan aset YS yang dinyatakan di dalam memo tersebut adalah bersalahan dengan tatacara pelupusan aset yang betul. Oleh yang demikian, penjualan aset YS adalah tidak sah.

5. SYOR JAWATANKUASA

- 5.1 Jawatankuasa menggesa YS untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan pendaftaran ALPAYS di SSM dikemaskini dengan segera dan Jawatankuasa mendapati status tersebut telah pun dikemaskini pada 14 September 2020. Jawatankuasa juga menyarankan supaya YS sentiasa mengemaskini maklumat berkaitan didalam SSM setiap kali berlakunya sebarang perubahan.
- 5.2 Jawatankuasa berpandangan YS tidak harus meneruskan proses penjualan aset dan keputusan berkaitan pembangunan harta tanah ditangguh sehingga proses kemaskini ALPAYS di SSM diselesaikan dan sehingga cadangan tersebut dibawa dan diputuskan oleh ALPAYS yang baru.
- 5.3 Jawatankuasa tidak bersetuju keputusan YS untuk meneruskan penjualan aset memandangkan YS mempunyai kontrak jangka panjang pembangunan harta tanah yang dijangka akan membawa pulangan sekurang-kurangnya RM300 juta dalam tempoh 7 tahun dari 2019.
- 5.4 Jawatankuasa menggesa YS, sekiranya penjualan aset diluluskan oleh ALPAYS baru, kaedah penjualan aset perlu mematuhi tatacara pelupusan aset yang betul supaya tidak berlaku urusniaga haram.

- 5.5 Majoriti Ahli Jawatankuasa menggesa Kerajaan Negeri melantik ahli lembaga pengarah yang terdiri daripada Ahli Dewan Negeri Selangor dan juga wakil yang bebas dan profesional di dalam YS supaya berlakunya semak-imbang dalam keputusan pengurusan dan YS dapat kembali ke era kegemilangannya serta membantu lebih ramai anak Selangor.
- 5.6 Jawatankuasa menggesa ALPAYS baru memantau operasi, aktiviti dan perolehan keuntungan yang disasarkan diperolehi dalam tempoh yang ditetapkan.
- 5.7 Jawatankuasa menyarankan YS memberikan agihan peruntukan yang lebih tinggi kepada pendidikan dan bukan kepada pengurusan.
- 5.8 Jawatankuasa menggesa agar penyata kewangan perlulah diaudit setiap tahun selaras dengan Seksyen 9 Akta Audit 1957 agar tiada berlakunya ketirisan dalam transaksi YS.

6. PERAKUAN

Penyata ini disediakan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (*Public Account Committee - PAC*). Penyata ini dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (*Public Account Committee - PAC*) dalam mesyuarat jawatankuasa Bil. 9/2020 pada 18 September 2020.

Disahkan oleh:

Y.B. TUAN RIZAM BIN ISMAIL

Pengerusi Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan
(*Public Account Committee - PAC*)
Dewan Negeri Selangor Keempat Belas Tahun 2020

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Ahli-ahli Yang Berhormat berikut telah dilantik menganggotai Jawatankuasa Kira-Kira Wang Kerajaan (*Public Account Committee - PAC*):

- | | |
|---|-----------|
| 1. Y.B. Tuan Rizam bin Ismail
(ADN Kawasan Sungai Air Tawar) | Pengerusi |
| 2. Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping
(ADN Kawasan Bukit Lanjan) | Ahli |
| 3. Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib
(ADN Kawasan Hulu Kelang) | Ahli |
| 4. Y.B. Tuan Ronnie Liu Tian Khiew
(ADN Kawasan Sungai Pelek) | Ahli |
| 5. Y.B. Puan Lim Yi Wei
(ADN Kawasan Kampung Tunku) | Ahli |
| 6. Y.B. Tuan Mohd Shaid bin Rosli
(ADN Kawasan Jeram) | Ahli |
| 7. Y.B. Tuan Mohd Najwan bin Halimi
(ADN Kawasan Kota Anggerik) | Ahli |

URUS SETIA

- i) Puan Gayathri A/P Jaya Kumar
Setiausaha Bahagian (Dewan)
- ii) Encik Muhamjirih bin Ahmad
Penolong Setiausaha (Dewan)
- iii) Nurul Liana Bt Musa
Pembantu Tadbir (Dewan)
- iv) Cik Cheah Sheue Chyi
Penyelidik Pejabat Speaker
- v) Cik Siti Khadijah Binti Maarof
Penyelidik Pejabat Speaker
- vi) Encik Nik Muhammad Syaamil Bin Nik Ismail
Penyelidik Pejabat Speaker



**RINGKASAN MINIT MESYUARAT
AHLI LEMBAGA PEMEGANG AMANAH YAYASAN SELANGOR
KALI KE SERATUS SEBELAS (111) BIL. 02/2019**

Tarikh : 19hb Disember 2019
Masa : 3.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga,
Pejabat Menteri Besar Selangor
Tingkat 21, Bangunan SSAAS
40502 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan

PERKARA 6.3:

Kemampunan Kewangan – Penjualan Aset Yayasan Selangor

Cadangan kemampunan kewangan (Pelan Tindakan Strategik 2020) dibentangkan oleh Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) Yayasan Selangor dan setelah berbincang, mesyuarat telah **BERSETUJU** dan **MELULUSKAN** cadangan Yayasan Selangor seperti berikut:

1. Penjualan lapan puluh tujuh (87) unit rumah kediaman dan rumah kedai.
2. Tawaran diskau 20% kepada kakitangan YS dan kakitangan Kerajaan Negeri daripada harga Axis REIT (pasaran) dan Jurunilai Professional untuk tempoh empat (4) bulan pertama pada tahun 2020.
3. Tawaran kepada umum serta pemberian insentif sebanyak satu peratus (1%) daripada harga jualan kepada kakitangan YS yang membantu penjualan aset dan rumah kedai (insentif diterima setelah pembayaran penuh diterima YS).
4. Penjualan rumah *Semi-Detached* di Perangsang Templer Golf Club (PTGC) kepada En. Aszzwir Bin Mohd Sabiruddin, kakitangan daripada Majlis Perbandaran Selayang (MPS) berdasarkan harga yang diterima daripada Jurunilai Profesional sebanyak RM1,000,000 berserta diskau 20% seperti yang dicadangkan, harga tawaran kepada En. Aszzwir Bin Mohd Sabiruddin adalah berjumlah RM800,000.

Ringkasan minit mesyuarat ini adalah tertakluk kepada kelulusan Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (ALPAYS) di dalam Mesyuarat ALPAYS yang akan datang.



BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA
Tingkat 16, Menara Yayasan Selangor, No. 18A Persiaran Barat, 46000 Petaling Jaya
SELANGOR DARUL EHSAN

Bil ()dim.YS/PH/03/01/PTD

MEMO

14 Mei 2020

Kepada : **ENCIK EDDIE AHMAD KHODZALI**
Ketua Pegawai Eksekutif

Daripada : **ENCIK NORHISAMSHAH BIN KAMARUDDIN**
Pengurus Pengurusan Harta

Perkara : **PEMOHONAN KELULUSAN TAWARAN DAN PENGIKLANAN PENJUALAN HARTA MILIK YAYASAN SELANGOR**

USUL

Permohonan pengiklanan Tawaran Penjualan harta milik Yayasan Selangor Rumah yang telah diluluskan oleh Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (MALPAYS) kali ke Seratus Sebelas (111) Bil 2/2019 pada 19hb Disember 2019.

MAKLUMAT LATAR BELAKANG

1. Pada 26hb September 2018 Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Selangor (MALPAYS) kali seratus sebelas (111) Bil. 02/2019 telah meluluskan Kertas cadangan Penjualan harta milik Yayasan Selangor.
2. Terdapat 12 lokasi harta milik Yayasan Selangor (unit) untuk dijual seperti dilampirkan.

CADANGAN BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

1. Berdasarkan kelulusan yang diberikan oleh MALPAYS, Bahagian Pengurusan Harta (BPH) memohon untuk mengiklankan tawaran Penjualan harta milik seperti di atas berdasarkan kepada perkara berikut:
 - a. BPH akan melaksanakan konsep "1st come 1st served" bagi penjualan aset ini.
 - b. Pembelian tidak terhad kepada satu (1) unit sahaja
 - c. Penjualan berdasarkan keadaan sedia ada (as it is basis).
 - d. Penjualan terbuka kepada individu, syarikat dan Ejen Hartanah.
2. Bahagian Pengurusan Harta akan melaksanakan pengiklanan tawaran penjualan ini sebanyak tiga (3) pada tarikh seperti berikut:

PENGIKLANAN	TARIKH PENGIKLANAN	TARIKH TAKLIMAT
Pertama	21hb Mei 2020 (Khamis)	10hb Jun 2020 (Rabu)
Kedua (Optional)	18hb Jun 2020 (Khamis)	2hb Julai 2020 (Khamis)
Ketiga (Optional)	4hb Ogos 2020 (Selasa)	20hb Ogos 2020 (Khamis)

3. Syarat-syarat lain dan contoh pengiklanan adalah seperti di lampiran.
4. Bahagian Pengurusan Harta juga bercadang untuk mempamerkan iklan tawaran penjualan ini di surat khabar The Star, Sinar Harian dan Selangor Kini (saiz 16cm x 9.3cm 3column) dan juga laman sesawang milik Yayasan Selangor. Bajet bagi pengiklanan ini adalah berjumlah RM18,000.00 (RM2,000.00 setiap akhbar).
5. BPH juga akan mengiklankan penjualan ini di dalam sesawang i-property dan mudah dengan bajet RM2,000.00.
6. Oleh yang demikian, anggaran keseluruhan bajet yang diperlukan adalah RM20,000.00. Dilampirkan sampel Kenyataan Tawaran dan Syarat Penjualan untuk rujukan.

Sehubungan itu, dipanjangkan permohonan ini kepada tuan untuk ulasan dan kelulusan.

Sekian, terima kasih.

MEMO KELULUSAN	DIBACA KOLEK	DIBOKONG OLEH
		—, —

MOHAMAD SAIFUL AZRIN
BIN SHAMSUL BAHRI
Kerani
Pengurusan Harta

MUHAMAD AMIN B ABDUL
WAHAB
Eksekutif
Pengurusan Harta

NORHISAMSHAH
KAMARUDDIN
Pengurus
Pengurusan Harta

ULASAN / KELULUSAN




LULUS



TIDAK LULUS

ULASAN :-



EDDIE AHMAD KHODZALI FCMA CGMA
Ketua Pegawai Eksekutif
Yayasan Selangor

NK/MAAW-Memo Kelulusan